

Zahid umum dana khas baiki berek polis sedia ada

Oleh RASDAN AHMAD

KUALA LUMPUR - Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi berkata, semua kediaman dan berek polis akan dinaik taraf dan dibaik pulih bagi memastikan ia mematuhi Dasar Perumahan Negara 2.0.

Ahmad Zahid berkata, buat permulaan, sejumlah RM13 juta diperuntukkan untuk membaik pulih dan menaik taraf 15 berek kediaman Briged Tengah Pasukan Gerakan Am (PGA) Cheras di sini.

"Kita mahu anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan keluarga masing-masing berada dalam keadaan baik kerana mereka adalah barisan hadapan keselamatan dalam negara," katanya pada sidang akhbar selepas melawat markas PGA Cheras.

Turut hadir, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tem-

patan, Tan Sri Noh Omar dan Ketua Polis Negara, Tan Sri Mohamad Fuzi Harun.

Ahmad Zahid yang juga Menteri Dalam Negeri telah meminta Pengarah Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam, Datuk Seri Zulkifli Abdullah memantau keadaan terkini semua PGA di seluruh negara yang memerlukan penambahbaikan.

Terdahulu, Ahmad Zahid menyaksikan majlis menandatangani Nota Kerjasama antara PDRM dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia di Maktab PDRM Kuala Lumpur di Cheras.

Ahmad Zahid kemudian melancarkan PDRM Night Run 2018 yang akan diadakan pada 17 Mac di Dataran Merdeka bersempena sambutan Hari Polis Malaysia ke-211.

LAGI berita di muka 10



AHMAD ZAHID (barisan depan empat dari kiri) bergambar bersama para penaja 'PDRM Night Run 2018' di Maktab Polis Diraja Malaysia, Cheras semalam.